

**PENGARUH PERJANJIAN KOLEKTIF, AKTIVITI  
KESATUAN SEKERJA DAN *WORKSTOPPAGES*  
TERHADAP IKLIM KESELAMATAN DALAM SEKTOR  
PERLADANGAN DI SABAH**

**NURUL FADILAH BINTI AHMAD**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
SASTERA**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL :           PENGARUH PERJANJIAN KOLEKTIF, AKTIVITI KESATUAN SEKERJA DAN *WORKSTOPPAGES* TERHADAP IKLIM KESELAMATAN DALAM SEKTOR PERLADANGAN DI SABAH**

**IJAZAH :           SARJANA SASTERA (HUBUNGAN INDUSTRI)**

Saya **Nurul Fadilah Binti Ahmad**, Sesi **2014-2019**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD



**NURUL FADILAH BINTI AHMAD  
MA1411131T**

Tarikh: 16/05/2019

Disahkan Oleh,  
**ALBERTO ANING**  
PUSAT KAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(Tandatangan Pustakawan)




(Pn. Salmie Jemon)  
Penyelia

# PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16 Mei 2019



.....  
NURUL FADILAH BINTI AHMAD

MA1411131T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA : **NURUL FADILAH BINTI AHMAD**

NO MATRIK : **MA1411131T**

TAJUK : **PENGARUH PERJANJIAN KOLEKTIF, AKTIVITI  
KESATUAN SEKERJA DAN *WORKSTOPPAGES*  
TERHADAP IKLIM KESELAMATAN DALAM SEKTOR  
PERLADANGAN DI SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (HUBUNGAN INDUSTRI)**

TARIKH VIVA : **16 MEI 2019**



**DISAHKAN OLEH:**

**UMS**  
TANDATANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA  
PUAN SALMIE JEMON

# PENGESAHAN

NAMA : **NURUL FADILAH BINTI AHMAD**

NO MATRIK : **MA1411131T**

TAJUK : **PENGARUH PERJANJIAN KOLEKTIF, AKTIVITI  
KESATUAN SEKERJA DAN *WORKSTOPPAGES*  
TERHADAP IKLIM KESELAMATAN DALAM SEKTOR  
PERLADANGAN DI SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (HUBUNGAN INDUSTRI)**

TARIKH VIVA : **16 MEI 2019**



**DISAHKAN OLEH:**

**UMS**  
TANDATANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA  
PUAN SALMIE JEMON

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pn Salmie Jemon, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Hubungan Industri, UMS yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya sayangi, En. Ahmad bin Yukkan dan Pn. Ati Bachu yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang, En. Haryadi bin Budi dan anak kesayangan, Ammar Hayyan atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

NURUL FADILAH BINTI AHMAD

14/11/2019

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan mengenai pengaruh perjanjian kolektif, aktiviti kesatuan sekerja dan *workstoppages* terhadap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah. Objektif kajian ini adalah mengkaji tahap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan analisis deskriptif serta analisis regresi mudah bagi menjawab persoalan kajian. Manakala analisis faktor digunakan bagi mengenalpasti, mengurangkan, serta menyusun sebilangan besar item soal selidik ke dalam konstruk-konstruk tertentu. Item-item akan disusun mengikut dimensi agar faktor yang terbentuk sesuai dengan konteks kajian dan sekaligus akan mengesahkan validiti konstruk yang digunakan. Dapatan kajian mendapati tahap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah berada pada tahap tinggi penting dengan nilai min sebanyak 3.68. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan konstruk Latihan mempunyai nilai min yang paling penting iaitu sebanyak 4.22 dan diikuti dengan komunikasi dengan tahap tinggi penting iaitu 3.88. Komitmen pengurusan berada pada tahap tinggi penting dengan nilai min sebanyak 3.48 dan akhir sekali penyertaan pekerja yang mempunyai tahap sederhana penting apabila mempunyai nilai min 3.16 sahaja. Manakala hasil analisis kajian mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah iaitu perjanjian kolektif, aktiviti kesatuan sekerja dan *workstoppages* diterima dan mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan sebanyak 34%. Hal ini menunjukkan bahawa setiap pertambahan peranan ahli kesatuan sekerja terhadap keselamatan akan meningkatkan iklim keselamatan sebanyak 25 peratus. Manakala, hasil ujian Anova mendapati nilai  $F = 31.371$  dan signifikan  $.000$  menunjukkan model regresi ini boleh digunakan untuk meramal iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah.

## **ABSTRACT**

*This study is part of a research on the influence of collective agreements, trade union activity and workstoppages to safety climate in Sabah plantation sector. The objective of this study is to examine the level of safety climate in the plantation sector in Sabah and also to examine the factors affecting the safety climate in the plantation sector in Sabah. This study is a quantitative approach that uses descriptive analysis and regression analysis to answer the research questions. In addition, factor analysis also used to identify, reduce, and compile a large number of questionnaire items into specific constructs. The items will be arranged according to dimensions so that factors formed in accordance with the context of the study and at the same time will confirm the validity of the constructs used. The findings show that the level of safety climate in the plantation sector in Sabah is high importance with a mean value of 3.68. Based on the analysis conducted, the Training construct had the most important mean value of 4.22 and followed by a high level of communication that is 3.88. Management commitments are of high importance with a mean value of 3.48 and employees participations with a moderate level of importance with a mean value of 3.16 only. The results of the regression analysis found that factors affecting the safety climate in the plantation sector in Sabah (collective agreements, trade union activities and workstoppages) were accepted and affected the 34% safety climate in the plantation sector. This show that every increament in the role of trade union members on safety will increase the safety climate by 25 percent. On the other hand, Anova's test results show that the value of  $F=31.371$  and significant .000. This indicates that the model can be used to predict the safety climate in the plantation sector in Sabah.*



# ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI CARTA</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	
1.6.1 Lokasi Kajian	5
1.6.2 Responden Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Definisi Konseptual	7
1.8.1 Majikan	7
1.8.2 Pekerja	7
1.8.3 Iklim Keselamatan	8
1.8.4 Komitmen Pengurusan	8
1.8.5 Latihan	8

1.8.6	Komunikasi	8
1.8.7	Penyertaan Pekerja	8
1.8.8	Kesatuan Sekerja	9
1.8.9	Perjanjian Kolektif	9
1.8.10	Pemberhentian Proses Kerja ( <i>Workstoppages</i> )	9
1.9	Definisi Operasional	9
1.9.1	Majikan	10
1.9.2	Pekerja	10
1.9.3	Iklm Keselamatan	10
1.9.4	Komitmen Pengurusan	10
1.9.5	Latihan	10
1.9.6	Komunikasi	10
1.9.7	Penyertaan Pekerja	11
1.9.8	Kesatuan Sekerja	11
1.9.9	Perjanjian Kolektif	11
1.9.10	Pemberhentian Proses Kerja ( <i>Workstoppages</i> )	11
1.10	Pembahagian Bab	11
1.11	Rumusan Bab	12
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>		
2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	13
2.3	Konsep Iklm Keselamatan	17
2.3.1	Iklm Keselamatan Di Malaysia	20
2.3.2	Elemen Iklm Keselamatan	24
	a) Konstruk Komitmen Pengurusan	24
	b) Konstruk Latihan	27
	c) Konstruk Komunikasi	28
	d) Konstruk Penyertaan Pekerja	30
2.4	Peranan Kesatuan Sekerja Dengan Aspek Keselamatan	32
2.4.1	Faktor-Faktor Peranan Kesatuan Sekerja yang Mempengaruhi Iklm Keselamatan	34
	a) Konsep Perjanjian Kolektif	34
	b) Aktiviti Kesatuan Sekerja	36

	1) Konsep Ilmu Pengetahuan	36
	2) Konsep Penyertaan Pekerja	39
	3) Konsep Pemberhentian proses Kerja ( <i>WorkStoppages</i> )	41
2.5	Kerangka Konseptual	42
2.6	Hipotesis Kajian	43
2.7	Rumusan Bab	43

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
	3.2.1 Pendekatan Kuantitatif	45
	3.2.2 Kajian Tinjauan	45
	3.2.3 Carta Aliran Kajian	46
3.3	Prosedur Persampelan	46
	3.3.1 Persampelan Rawak Mudah	47
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	49
	3.4.1 Instrument Soal selidik	49
	a) Pembangunan Instrumen Soal Selidik	49
	b) Pengesahan Instrumen Soal Selidik	55
3.5	Pengukuran Pemboleh Ubah	58
	3.5.1 Bahagian A: Demografi Responden	58
	3.5.2 Bahagian B: Pemboleh Ubah Bersandar dan Bebas	59
	3.5.3 Bahagian C	59
3.6	Data Sekunder	59
	3.6.1 Rujukan Perpustakaan	60
	3.6.2 Rujukan E-Penyelidikan	60
3.7	Teknik Analisis Data	60
3.8	Pertimbangan Etika Penyelidikan	62
3.9	Rumusan Bab	63

## **BAB 4 ANALISIS DAN INTERPRESTASI KAJIAN**

4.1	Pengenalan	64
4.2	Latar Belakang Responden Kajian	64
4.3	Analisis Faktor	66
4.3.1	Analisis Faktor Elemen Iklim Keselamatan	67
	a) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Komitmen Pengurusan	67
	b) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Latihan	69
	c) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Komunikasi	71
	d) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Penyertaan Pekerja	72
4.3.2	Rumusan Analisis Faktor Iklim Keselamatan	74
4.3.3	Analisis Faktor terhadap Pendekatan Peranan kesatuan sekerja	75
	a) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Perjanjian Kolektif	75
	b) Analisis Faktor Terhadap Pendekatan Aktiviti Kesatuan sekerja	77
	c) Analisis Faktor terhadap Pendekatan <i>Workstoppages</i>	79
4.3.4	Rumusan Analisis Faktor Elemen Peranan Kesatuan Sekerja	81
4.4	Analisis Kebolehpercayaan Selepas Analisis Faktor	82
	4.4.1 Elemen Iklim Keselamatan	82
	4.4.2 Elemen Peranan Kesatuan Sekerja	83
4.5	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah	85
	4.5.1 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Komitmen Pengurusan	85
	4.5.2 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Latihan	89
	4.5.3 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Komunikasi	91
	4.5.4 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Penyertaan Pekerja	94
	4.5.5 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Perjanjian Kolektif	97
	4.5.6 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah Aktiviti Kesatuan Sekerja	101

4.5.7	Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah <i>workstoppages</i>	105
4.6	Analisis Tahap Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan di Sabah	108
4.7	Pengujian Hipotesis	109
4.7.1	Analisis Regrasi Mudah	109
4.7.2	Pengaruh Pendekatan Perjanjian Kolektif, Aktiviti Kesatuan Sekerja dan <i>Workstoppages</i> Terhadap Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan Di Sabah	110
4.8	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Kajian	113
4.9	Rumusan Bab	114

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1	Pengenalan	115
5.2	Perbincangan Objektif kajian	115
5.2.1	Objektif Pertama: Mengkaji Tahap Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan di Sabah	115
	a) Latihan	117
	b) Komunikasi	120
	c) Komitmen Pengurusan	123
	d) Penyertaan Pekerja	127
5.2.2	Objektif Kedua: Mengkaji Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan di Sabah	130
	a) Perjanjian Kolektif	132
	b) Aktiviti Kesatuan Sekerja	134
	c) <i>Workstoppages</i>	138
5.3	Implikasi kajian	
5.3.1	Aspek Ilmu Pengetahuan	140
5.3.2	Aspek Praktikal	142
5.4	Limitasi Kajian	143
5.5	Cadangan Kajian di Masa Hadapan	144
5.6	Rumusan Bab	146
	<b>RUJUKAN</b>	147
	<b>LAMPIRAN</b>	155

# SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.0 : Senarai Populasi	47
Jadual 3.1: Saiz Sampel	46
Jadual 3.2: Item Dalam Soal Selidik Disokong Oleh Kajian Lepas	51
Jadual 3.3: Sebelum Semak Pakar	57
Jadual 3.4: Selepas Semak Pakar	57
Jadual 3.5: Item yang Diterbalikkan ( <i>Reversed item</i> )	57
Jadual 3.6: Pemilihan Jawapan Mengikut Skala Likert	58
Jadual 3.7 : Senarai Kesatuan Dan Jumlah Responden Yang Terlibat	59
Jadual 3.8: Kaedah Analisis Data	61
Jadual 4.0: Demografi Responden	65
Jadual 4.1: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan Komitmen Pengurusan	67
Jadual 4.2: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan Latihan	69
Jadual 4.3: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan Komunikasi	71
Jadual 4.4: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan Penyertaan Pekerja	73
Jadual 4.5: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan Perjanjian Kolektif	76
Jadual 4.6: Rumusan Analisis Faktor Aktiviti Kesatuan Sekerja	77
Jadual 4.7: Rumusan Analisis Faktor Pendekatan <i>Workstoppages</i>	80
Jadual 4.8: Ujian Kebolehpercayaan Selepas Analisis Faktor Iklim Keselamatan	82
Jadual 4.9: Ujian Kebolehpercayaan Selepas Analisis Faktor Bagi Perjanjian Kolektif, aktiviti kesatuan sekerja dan <i>Workstoppages</i>	83
Jadual 4.10: Elemen Komitmen Pengurusan	85

Jadual 4.11: Taburan Min Elemen Komitmen Pengurusan	86
Jadual 4.12: Elemen Komitmen Latihan	89
Jadual 4.13: Taburan Min Elemen Latihan	90
Jadual 4.14: Elemen Komunikasi	91
Jadual 4.15: Taburan Min Elemen Komunikasi	92
Jadual 4.16: Elemen Penyertaan Pekerja	94
Jadual 4.17: Taburan Min Penyertaan Pekerja	95
Jadual 4.18: Elemen Perjanjian Kolektif	97
Jadual 4.19: Taburan Min Perjanjian Kolektif	98
Jadual 4.20: Elemen Aktiviti Kesatuan Sekerja	101
Jadual 4.21: Taburan Min Elemen Aktiviti Kesatuan Sekerja	102
Jadual 4.22: Elemen Workstoppages	105
Jadual 4.23: Taburan Min Elemen <i>Workstoppages</i>	106
Jadual 4.24: Tahap Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan	108
Jadual 4.25: Elemen Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan	109
Jadual 4.26: Analisis Regrasi Pemboleh Ubah Bebas Dengan Pemboleh Ubah Bersandar	110
Jadual 4.27 : Pengaruh Pendekatan Perjanjian Kolektif, Aktiviti Kesatuan Sekerja dan Workstoppages Terhadap Iklim Keselamatan dalam Sektor Perladangan di Sabah	113
Jadual 4.28 : Pernyataan Keputusan Hipotesis	114

# SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 2.0: Kerangka Konseptual	42
Carta 3.0: Carta Aliran Kerja	46
Carta 5.0 : Model peranan kesatuan sekerja dengan iklim keselamatan	131



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI SINGKATAN

JHEKS	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah
JKKP	Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
PBA	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
ILO	International Labour Organisation
UNDP	Pembangunan Negara Amerika
DV	Pemboleh Ubah Bersandar
IV	Pemboleh Ubah Tidak Bersadar
AKKP	Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
HRDC	<i>Human Resources And Skills Development Canada</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Faktor Iklim Keselamatan Pengkajian Barat dan Malaysia	155
Lampiran B: Hasil Analisis Regresi	160
Lampiran C: Model Hubungan Peranan Kesatuan Sekerja Dengan Iklim Keselamatan Dalam Sektor Perladangan Di Sabah	161



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui pengaruh perjanjian kolektif, aktiviti kesatuan sekerja dan *workstoppages* terhadap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah. Oleh itu, kajian ini meneliti tahap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah sekaligus melihat jika terdapat faktor-faktor yang signifikan antara peranan kesatuan sekerja dengan iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah. Pendekatan kuantitatif digunakan bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian. Penggunaan borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Analisis Faktor, analisis diskriptif serta analisis regrasi digunakan bagi mendapatkan data kajian dan memberi input pada bahagian perbincangan.

### 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Jumlah kemalangan mengikut sektor sehingga Oktober 2018 (yang disiasat) mencatatkan bahawa sektor pertanian mencatatkan kes ketiga tertinggi iaitu sebanyak 289 jumlah kes kemalangan dengan 264 kes tanpa hilang upaya kekal, tujuh kes bagi hilang upaya kekal dan 18 kes kemalangan maut. Oleh yang demikian, Nor Haniza Bakhtiar Jemily (2008) menegaskan bahawa dalam menguruskan organisasi terdapat banyak perkara yang perlu diberi perhatian antaranya pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja bagi menjamin kecemerlangan organisasi tersebut.

Manakala, Rory O'Neill (2007) jelas membincangkan bahawa kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa pergerakan buruh yakni kesatuan sekerja berjuang semata-mata untuk gaji yang standard tanpa menyedari tujuan perjuangan adalah untuk kehidupan ahli-ahlinya termasuk isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Junaidi Abu Bakar (2004) turut menyatakan bahawa kemalangan industri boleh dikurangkan sekiranya pihak majikan mempunyai komitmen yang tinggi dalam usaha melakukan pencegahan kemalangan di tempat kerja dan pemimpin kesatuan sekerja turut terlibat dalam mengendalikan masalah-masalah yang berkaitan dengan kebajikan pekerja dan boleh menghantar wakil dalam jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat pentadbiran syarikat. Hal ini disokong oleh Mohd Nor Aizat (2012) yang menyatakan bahawa, faktor kesatuan sekerja merupakan perkara penting dalam meningkatkan pendapatan dan penindasan terhadap pekerja dapat dikurangkan.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Persekitaran kerja yang selamat memerlukan komitmen dari semua pihak iaitu pihak pengurusan dan juga pekerja. Dalam hal ini, sikap dan persepsi mengenai persekitaran kerja adalah faktor penting dalam menilai keperluan keselamatan dan pembaharuan kemudahan (fasiliti) yang diperlukan. Hal ini kerana, persekitaran kerja yang selamat tidak akan tercapai jika organisasi tidak mengambil kira sikap dan juga persepsi mereka (Che Hassan, Basha dan Wan Hanafi, 2007). Keadaan di atas berlaku dalam kajian (Ezrin *et al.*, 2012) yang menunjukkan bahawa pekerja mempunyai persepsi yang positif terhadap sistem keselamatan dan prosedur namun tidak kepada komitmen pengurusan. Hal ini kerana, pekerja berasa bahawa komitmen pengurusan terhadap isu keselamatan di tempat kerja masih lemah dan negatif.

Banyak kemalangan yang berlaku di tempat kerja terutamanya di kawasan pembinaan akibat sikap pekerja ketika melakukan kerja. Kesedaran dan persepsi pekerja terhadap keselamatan, kesihatan serta persekitaran kerja adalah aspek

penting untuk memastikan kawasan bangunan selamat terutamanya kepada diri pekerja itu sendiri (Che Hassan *et al.*, 2007). Oleh itu terdapat banyak kaedah yang boleh dilakukan dalam meningkatkan tahap iklim keselamatan di sesebuah organisasi dan salah satunya adalah penglibatan kesatuan sekerja dengan memainkan peranan mereka.

Banyak kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa mengenai kekuatan kesatuan sekerja dalam menangani isu kesihatan dan keselamatan seperti (Tsuyosshi Kawakami *et al.*, 2004) yang memperkenalkan Pendekatan "*positive training*" dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan di bawah kesatuan sekerja negara yang terlibat. Manakala, Jukka Takala (2007) membincangkan peranan kesatuan sekerja dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan dengan mengambil pendekatan memberi peringatan kepada ahlinya mengenai hazard di tempat kerja agar mereka boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Hal ini kerana, secara praktikalnya sektor pertanian mencatatkan kes ketiga tertinggi iaitu sebanyak 289 jumlah kes kemalangan dengan 264 kes tanpa hilang upaya kekal, tujuh kes bagi hilang upaya kekal dan 18 kes kemalangan maut. Negeri Sabah turut mencatatkan kes kemalangan pekerjaan sebanyak 315 kes dengan 20 kes bagi hilang upaya kekal, 13 kes maut dan 282 kes tanpa hilang upaya kekal.

Dalam hal ini, pihak pengurusan perlu menggalakkan pekerja bekerja mengikut peraturan dan memastikan semua pekerja menerima maklumat yang perlu mengenai keselamatan. Aktiviti kesatuan sekerja merupakan faktor yang paling mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan terutamanya melalui dimensi peranan yang dimainkan oleh ahli kesatuan sekerja terhadap isu keselamatan. Begitu juga dengan perjanjian kolektif terdapat perjanjian yang membenarkan ahli kesatuan untuk menolak kerja yang tidak selamat dan terdapat perjanjian yang turut membenarkan ahli kesatuan untuk berhenti kerja apabila keadaan tempat kerja tidak selamat atau boleh membawa masalah kepada kesihatan.

Manakala, faktor *workstoppages* juga mampu mempengaruhi iklim keselamatan dengan lebih baik apabila kesatuan sekerja itu membuat ahli-ahli mereka sedar hazard di tempat kerja mereka. Namun demikian, dalam konteks Malaysia didapati kajian yang menyentuh hubungan antara Kesatuan sekerja dengan iklim keselamatan masih kurang dilakukan. Contohnya dalam kajian (Suhaila Mohamed *et al.*, 2010) yang hanya menyentuh mengenai keberkesanan kesatuan sekerja di Malaysia tetapi tidak menyentuh kepada aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara langsung.

Manakala, dalam konteks Sabah turut memperlihatkan senario yang sama contohnya dalam kajian Kee Y. Sabariah (2006) yang hanya membincangkan kesatuan sekerja dan perundingan kolektif manakala, kajian Fadilah Shahirah (2007) yang lebih memfokuskan kepada penglibatan pekerja dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan, tapi tidak spesifik kepada kesatuan sekerja. Hal ini turut diakui sendiri oleh Mohamad Khan Jamal Khan (2002) bahawa kajian mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sektor perladangan kurang mendapat perhatian penyelidik di Malaysia. Manakala, dari segi teoritikal, kajian mengenai Hubungan Kesatuan Sekerja dengan iklim keselamatan masih kurang diberi penekanan (Robert R. Shindclair, 2010).

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Permasalahan kajian yang dikemukakan di atas telah menimbulkan beberapa persoalan kajian antaranya adalah:

- a) Apakah tahap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah?
- b) Apakah faktor-faktor peranan Kesatuan sekerja yang mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut, beberapa objektif telah dibentuk sebagai landasan dalam kajian ini dan objektif tersebut adalah:

- a) Mengkaji tahap iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah.
- b) Mengkaji faktor-faktor peranan kesatuan sekerja yang mempengaruhi iklim keselamatan dalam sektor perladangan di Sabah.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Bahagian ini menerangkan mengenai tumpuan utama dalam kajian yang dijalankan seperti lokasi kajian, dan juga responden kajian.

### **1.6.1 Lokasi Kajian**

Kajian ini dilakukan di negeri Sabah dan tertumpu kepada Kesatuan Sekerja dalam sektor perladangan. Hanya kesatuan sekerja dalam sektor perladangan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah sahaja yang dihubungi. Pemilihan Kesatuan sekerja adalah berdasarkan kesesuaian kesatuan sekerja mengikut skop dan konteks kajian.

### **1.6.2 Responden Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas ahli kesatuan sekerja yang bekerja dalam sektor perladangan. Hasil kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah (JHEKS) beberapa Kesatuan Sekerja telah dikenalpasti dan disenarai pendek sebagai responden kajian. Namun maklumat kesatuan sekerja yang terlibat dirahsiakan bagi menjaga kerahsian maklumat seperti yang telah dijanjikan dengan pihak organisasi.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dari segi ilmu pengetahuan kajian ini sangat penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan mengenai iklim keselamatan terutamanya dalam konteks Malaysia sendiri. Hal ini kerana, kajian mengenai iklim keselamatan dalam konteks Malaysia terutamanya Sabah adalah masih kurang diberi perhatian oleh penyelidik lain. Hal ini turut diakui oleh Mohamad Khan Jamal Khan (2002) bahawa kajian mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sektor perladangan kurang mendapat perhatian penyelidik di Malaysia. Manakala, dari segi teoritikal, kajian mengenai Hubungan Kesatuan Sekerja dengan iklim keselamatan masih kurang diberi penekanan (Robert R. Shincclair, 2010). Oleh itu, hasil analisis dalam kajian ini menyumbang kepada ilmu pengetahuan dalam bidang hubungan industri terutamanya dari aspek iklim keselamatan pekerjaan. Walaupun terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik lalu, namun dapatan kajian bagi kajian ini telah berbeza mengikut konteks kajian. Penyelidik baru boleh jadikan hasil kajian ini sebagai rujukan dan panduan apabila melakukan penyelidikan dalam ruang lingkup yang sama.

Dari segi praktikal pula, kajian ini menjadi panduan bagi kesatuan sekerja dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya terutamanya dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja. Akhirnya membantu pihak pengurusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk merancang dan membuat polisi berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja dengan lebih efektif dan sistematik. Oleh itu, majikan dan pihak kesatuan boleh jadikan kajian ini sebagai panduan agar kehendak yang pekerja mahukan tercapai dan memberi kesan kepada iklim keselamatan berada pada tahap yang lebih baik. Begitu juga dengan elemen-elemen lain dalam kajian ini, pihak berkepentingan boleh jadinya sebagai panduan dalam persekitaran kerja mereka dalam usaha membentuk iklim keselamatan yang baik. Bagi JKKP pula, hasil kajian ini membantu dalam mempergiatkan lagi budaya kerja yang selamat terutamanya melalui pembentukan polisi keselamatan. Hal ini adalah sangat penting agar semua pihak terlibat secara